

25/03/1998

KPB: Mahathir nafi terbabit

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, beliau tidak bertanggungjawab dalam perbincangan mengenai penjualan kepentingan Konsortium Perkapalan Berhad (KPB) yang diterajui anaknya, Mirzan, kepada Malaysia International Shipping Corporation (MISC).

"Dalam perkara ini, saya minta maaf. Perkara ini semua (orang) sebut sebagai membabitkan anak saya. Dalam amalan kerajaan, jika ada perkara membabitkan keluarganya, dia tidak boleh ambil bahagian dalam sebarang perbincangan.

"Oleh itu saya tak ambil kira dalam perkara itu dan saya tak bertanggungjawab dalam perkara itu," kata Perdana Menteri menjawab soalan tambahan Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) pada sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Lim sebelum itu bertanya sama ada pembelian saham KPB itu sebagai langkah menyelamatkan syarikat berkenaan. Mirzan ialah Pengerusi Eksekutif KPB.

Dr Mahathir menjelaskan, amalan kerajaan ialah jika ada keluarga anggota kerajaan yang terbabit dalam perbincangan, orang berkenaan tidak berhak menyuarakan pendapatnya.

"Dia terpaksa keluar dari (mesyuarat) Kabinet kalau perbincangan itu dibuat di Kabinet...dan sudah beberapa kali saya dihalau keluar dari Kabinet kerana ada perkara (dibincangkan) yang kononnya berkaitan dengan keluarga saya.

"Saya tidak sedikit pun rasa tersinggung sebab itu amalan kita. Saya tidak tahu apa yang berlaku dan tidak ambil peduli kerana memanglah, anak Perdana Menteri. Kalau kerja dalam kerajaan, mereka kata kita nak bagi tempat kepada anak kita dalam kerajaan dan kalau anak masuk politik, mereka kata kita ambil anak sebagai pengantinya.

"Ada juga setengah orang bagi (beri) juga anaknya tempat menggantikannya," katanya, sambil memandang Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) dan Lim Guan Eng. Kit Siang ialah Setiausaha Agung DAP, manakala anaknya, Guan Eng, timbalan setiausaha agung.

Menurut Perdana Menteri, menjelang pilihan raya umum lalu, ada rombongan yang meminta agar anaknya dicalonkan. "Tetapi saya tak bagi. Kalau saya dah berhenti nanti, bolehlah," katanya.

Berhubung dakwaan Kit Siang kononnya tindakan kerajaan membeli saham syarikat yang bankrap sebagai tindakan bail-out (menyelamat), Dr Mahathir berkata:

"Sebenarnya tidak ada bail-out ... syarikat-syarikat ini adalah syarikat yang kemas, tidak ada masalah dan untung sebelum jatuhnya nilai mata wang dan nilai saham. Syarikat manapun, kalau nilai mata wang dan nilai saham mereka jatuh begitu teruk, tentulah (mereka) mempunyai masalah."

Beliau memberitahu Dewan Rakyat, kerajaan perlu menyelamatkan sesetengah syarikat besar yang bermasalah demi menjamin pendapatan negara kerana jika ia membuat keuntungan, kerajaan mendapat 28 peratus daripadanya.

"Kita harus ingat kalau syarikat kita dimufliskan atau bankrap, kerajaan tak dapat keuntungan sedangkan kerajaan mendapat keuntungan daripada cukai 28 peratus dari keuntungan mereka.

"Keuntungan mereka adalah keuntungan kerajaan dan apabila kerajaan menolong syarikat ini, kerajaan menolong mereka sendiri supaya syarikat itu dapat dipulihkan semula," katanya.

(END)

